

**PETIKAN TITAH**

"KITA semua adalah kewajiban untuk membina, bukannya merobohkan tamadun dengan penyebaran unsur-unsur negatif yang dicituskan oleh jahiliah moden. Kita tetap berpegang kepada ajaran-ajaran Al-Quran bagi mendapatkan keberkatan di

**MANISNYA IMAN**

"SESUNGGUHNYA siapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga dan tempat kembalinya ialah Neraka. Dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang yang berlaku

**Rabu**

17 Ogos 2005  
12 Rejab 1426  
Tahun 50 Bilangan 32

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Melirik Masa Silam](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Sepuluh Negara Satu](#)[Masvarakat](#)[Sudut Perkhidmatan](#)[Awam](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Menjana Kesihatan](#)[Biskita](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Kerja](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

MENURUT Bab 108 (1), Akta Buruh, gaji seseorang pekerja mestilah dibayar setiap bulan, tidak lewat 10 hari daripada tarikh biasa pembayaran. Mana-mana majikan di tempat pekerjaan yang melakukan kesalahan di bawah bab ini boleh didenda \$1,500.00 atau dipenjarakan selama enam bulan. -  
Sumber: LAWS OF BRUNEI, Labour Law, Chapter 93. (: 62 & 68).

Pelita Brunei Online  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:  
[Pelita Brunei](mailto:pelita@brunei.gov.bn)

**HALUAN**

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada 1 Ogos 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

## LUASKAN KEMAHIRAN DALAM PELBAGAI ILMU FARDU KIFAYAH

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita sama-sama hadir di majlis yang penuh dengan keberkatan ini.

Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran ini telah menjadi satu acara kebangsaan. Ianya adalah manifestasi bahawa kita mempunyai cara tersendiri bagi memartabatkan serta mengembangkan syiar Islam.

Al-Quran merupakan mukjizat teragung junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengandungi berbagai-bagai petunjuk, peringatan dan pengajaran dari Allah Subhanahu Wataala serta penawar bagi pelbagai jenis penyakit tertentu.

Dengan membaca dan menghayati Al-Quran akan setentunya menambahkan keimanan, menerangi jiwa serta dapat menenteramkan hati setiap insan yang mengamalkannya. Pengajaran serta petunjuk sedemikian inilah yang juga dihasratkan untuk disebarluaskan kepada seluruh umat manusia melalui Pertandingan Membaca Al-Quran seumpama ini.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala menjadikan kita orang yang memperolehi faedah dari penyebaran bacaan yang terbaik itu. Dan dalam masa yang sama kita berusaha memperkukuhkan keimanan dengan sentiasa mengamalkan segala suruhan dan mengambil iktibar dari pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya.

Dalam kita mengharungi peredaran masa yang serba mencabar ini serta kepesatan ekonomi sejagat dan kesan-kesannya yang di luar jangkaan, adalah mustahak supaya rakyat dan penduduk negara ini, khasnya umat Islam bersedia mengambil peranan dalam apa jua cara yang direzai Allah demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Usaha-usaha berterusan ke arah memperluaskan lagi kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu fardu kifayah adalah bukti jelas bahawa Islam dan Al-Quran itu adalah menjadi tunggak utama kepada tamadun setiap ummah.

Keamanan, keselamatan, kebahagiaan dan kemajuan kita mestilah berasaskan kepada kekuatan di dalam diri kita, iaitu kekuatan iman dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Dengan memuliakan Al-Quran juga akan membawa berkat. Di antara keberkatannya itu ialah dengan mengangkat darjat kita yang beriman dengannya. Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam seperti hadis yang diriwayatkan oleh Muslin dari Umar ibn Al-Khatib Radiallahuanhu yang ertinya:

"Sesungguhnya Allah mengangkat darjat beberapa kaum dengan adanya kitab Al-Quran ini, iaitu orang-orang yang beriman dengannya serta menurunkan darjat kaum yang lain, dengan sebab Al-Quran itu pula iaitu orang-orang yang menghalang penyebaran Islam dan penyebaran ajaran-ajaran Al-Quran itu."

Seperti yang pernah dititahkan oleh paduka ayahanda sempena menyambut Nuzul Al-Quran pada 22 Mac 1992, iaitu untuk mendapatkan keberkatan dan cahaya daripada Al-Quran itu, maka adalah seelok-elok pekerjaan untuk dijadikan tabiat, khasnya oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, melazimkan diri masing-masing untuk membuka dan membaca Kitab Suci Al-Quran, walaupun setakat beberapa ayat sahaja pada tiap-tiap hari, sebelum memulakan tugas dan pekerjaan masing-masing.

Antara tujuan kurnia titah paduka ayahanda tersebut ialah agar dengan berkat Al-Quran itu, apa juga tugas dan khidmat kita untuk negara ini, akan sentiasa dipimpin atau dipandu oleh petunjuk dan hidayat Allah, sesuai dengan sifat Al-Quran itu sendiri sebagai 'Hudan Lilmuttaqeen', yakni petunjuk bagi orang-orang yang suka bertakwa.

Perkara ini tidak kurangnya dengan beberapa usaha yang telah pun dibuat oleh agensi-agensinya berkaitan untuk memertabatkan kan kesucian Al-Quran.

Akhirnya dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' dan dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka saya dengan sukacita merasmikan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1426 Hijrah bersamaan 2005 Masihi.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.